

KAME CAPSULE

Paracetamol (500mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan KAME Capsule
2. Bagaimana KAME Capsule berfungsi
3. Sebelum menggunakan KAME Capsule
4. Cara menggunakan KAME Capsule
5. Semasa menggunakan KAME Capsule
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan KAME Capsule
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan KAME Capsule
KAME Capsule diguna untuk melegakan demam, simptom selsema dan influenza dan juga kesakitan seperti sakit kepala, gigi dan kesakitan akibat pertumbuhan gigi.

Bagaimana KAME Capsule berfungsi

KAME Capsule mempunyai sifat *analgesic* (digunakan untuk melegakan kesakitan) dan *antipyretic* (digunakan untuk meredakan demam).

Sebelum menggunakan KAME Capsule

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil KAME Capsule jika:

- Anda menghadapi penyakit buah pinggang.
- Ia tidak dipreskripsikan oleh doktor atau ahli farmasi bertauliah kepada anda.
- Anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.
- Anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

-Sebelum menggunakan KAME Capsule

Sebelum anda mengambil KAME Capsule anda perlu memaklumkan kepada doktor anda:

- Jika anda mengalami kerosakan ginjal dan hati.
- Jika anda mengambil paracetamol.
- Jika anda mengambil ubatan lain (termasuk yang tidak dipreskripsikan oleh doktor anda).

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain, terutamanya:

- Anticoagulants (ubat mencairkan darah).
- Ubat-ubatan mengandungi Paracetamol.

Ia mungkin selamat bagi anda untuk mengambil KAME Capsule dan doktor akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

Cara menggunakan KAME Capsule

-Berapa banyak harus digunakan

Untuk penggunaan oral sahaja.

Dewasa: 2 kapsul, 3 kali sehari

Kanak-kanak (12-16 tahun):

1 kapsul, 3 kali sehari.

-Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu mengambil KAME Capsule.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan KAME Capsule

-Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan KAME Capsule.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi KAME Capsule dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Penggunaan kronik harus dielakkan.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, KAME Capsule boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan biasa berikut telah dilaporkan:

- Ruam pada kulit, kebiasaannya kemerahan kulit atau gatal-gatal. Kadang-kadang lebih serius dan disertakan dengan demam dan luka pada mukosa.

KAME CAPSULE

Paracetamol (500mg)

- Penggunaan paracetamol berkaitan dengan gangguan darah seperti neutropenia, pansitopenia dan leucopenia.
- Kadang-kadang reaksi alergi lain berlaku.
- Reaksi tindakbalas hipersensitiviti termasuk ruam kulit, angioedema, Stevens Johnson Syndrome / Toksik Epidermal Necrolysis.

Amaran alergi: Paracetamol boleh menyebabkan tindak balas kulit yang teruk. Simptom-simptom termasuk kemerahan kulit, melepuh atau ruam. Ini mungkin tanda-tanda keadaan yang serius. Sekiranya tindak balas ini berlaku, hentikan penggunaan dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan KAME Capsule

-Penyimpanan

Jauhi KAME Capsule dari jangkauan kanak-kanak.

Simpan pada suhu bawah 30°C. Pastikan bekas tertutup rapat dan lindungi dari cahaya.

-Pelupusan

Jangan guna KAME Capsule yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

KAME Capsule adalah granul berwarna putih, hijau, merah jambu dan kuning dalam saiz 0 kapsul

gelatin dengan tutup hijau dan badan lutsinar.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif:
Paracetamol

- Bahan Tidak Aktif
Povidone K90, Quinoline Yellow, Brilliant Blue, Cherry Red, Isopropyl Alcohol.

-Nombor MAL

MAL19911430XZ

Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,
Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

02/01/2018

Nombor siri

NPRA(R4/1)061217/00344